

## PENGGUNAAN APLIKASI DIGITAL DALAM PENGAJIAN SIRAH NABI SAW: JENDELA BAHARU PEMBELAJARAN INTERAKTIF DALAM KELAS

Nidzamuddin Bin Zakaria  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Email: [nidzamuddin@usim.edu.my](mailto:nidzamuddin@usim.edu.my)

Muhammad Ilyas Fahmi Bin Mohd Shafian  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,  
E-mail: [ilyas\\_fahmi@raudah.usim.edu.my](mailto:ilyas_fahmi@raudah.usim.edu.my)

Amirul Ajwad Bin Mohd Shukri  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,  
E-mail: [ajwadamirul721@raudah.usim.edu.my](mailto:ajwadamirul721@raudah.usim.edu.my)

### ABSTRAK

Aplikasi digital dalam pengajian Sirah Nabi SAW diwujudkan bertujuan bagi meningkatkan penglibatan pelajar-pelajar dalam kelas dan meningkatkan keberkesanan kaedah pembelajaran dan pengajaran (P & P) mata pelajaran Sirah Nabi SAW. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji sejauhmanakah keberkesanan penggunaan aplikasi digital dalam pengajian sirah Nabi Muhammad SAW dapat memperkasakan pedagogi pembelajaran secara interaktif dalam kelas. Aplikasi digital ini menggunakan teknologi untuk menawarkan pelbagai fungsi yang memudahkan pencarian maklumat, interaksi kandungan subjek dan kerjasama rakan sebaya dalam kelas. Kajian ini mendapati banyak elemen penting yang mungkin meningkatkan proses pembelajaran dan pengajaran berlangsung dengan jayanya dalam kelas, termasuk naratif interaktif, kuiz interaktif, forum perbincangan dan sumber multimedia. Ia dilakukan dengan menyemak literatur dan menganalisis aplikasi digital semasa. Kajian ini juga menekankan potensi dan kesukaran yang berkaitan dengan penggunaan aplikasi digital dalam konteks pengajian Sirah Nabi, termasuk keselamatan data, kebolehcapaian teknologi dan penyepaduan kurikulum. Dapatan kajian ini diyakini dapat membantu para pendidik dan pembangun aplikasi digital memanfaatkan teknologi dengan lebih baik demi meningkatkan taraf pengajaran bagi para pelajar yang mempelajari kehidupan Nabi Muhammad SAW dalam usaha mempraktikkannya dalam kehidupan seharian.

**Kata Kunci:** Aplikasi digital, Sirah Nabi SAW, pembelajaran interaktif, teknologi pendidikan, pembelajaran & pengajaran (P & P).

### 1. Pengenalan

Pengajian Sirah Nabi SAW merupakan satu disiplin ilmu yang amat penting dalam pendidikan Islam. Ia memberikan pengetahuan mendalam mengenai kehidupan, perbuatan dan ajaran Nabi Muhammad SAW yang menjadi contoh teladan bagi umat Islam. Dalam era digital yang semakin berkembang, penggunaan teknologi dalam pendidikan telah menjadi satu keperluan bagi memastikan proses pembelajaran lebih efektif dan relevan dengan generasi kini.

Aplikasi digital menawarkan satu pendekatan baharu dalam pembelajaran Sirah Nabi SAW. Melalui penggunaan teknologi seperti aplikasi mudah alih, perisian interaktif dan platform pembelajaran dalam talian pelajar dapat meneroka dan memahami sejarah Nabi Muhammad SAW dengan cara yang lebih menarik dan berkesan. Aplikasi digital ini bukan sahaja menyampaikan maklumat secara interaktif, tetapi ia juga menyediakan pelbagai bentuk bahan pengajaran seperti video, audio, peta interaktif dan kuiz yang dapat memperkayakan pengalaman pembelajaran.

Keberkesanan penggunaan aplikasi digital dalam pengajian Sirah Nabi SAW boleh dilihat melalui beberapa aspek utama iaitu yang pertama, Interaktiviti dan Penglibatan Pelajar. Aplikasi digital

menyediakan pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif dan menarik. Pelajar dapat berinteraksi secara langsung dengan kandungan seperti menjawab soalan kuiz, menonton video pendek dan meneroka peta sejarah. Ini dapat meningkatkan minat dan penglibatan mereka dalam subjek yang dipelajari. Yang kedua, Akses kepada Sumber Pembelajaran yang Luas. Dengan aplikasi digital, pelajar mempunyai akses kepada pelbagai sumber pembelajaran yang mungkin tidak tersedia dalam buku teks tradisional. Ini termasuklah ceramah daripada ulama terkenal, dokumentari dan bahan-bahan multimedia lain yang dapat memperkaya pengetahuan mereka. Yang ketiga, Pembelajaran Kendiri dan Kolaboratif. Aplikasi digital membolehkan pelajar belajar pada bila-bila masa dan di mana sahaja, mengikut keselesaan mereka. Ia juga membolehkan pembelajaran kolaboratif di mana pelajar boleh berkongsi maklumat dan berdiskusi melalui platform dalam talian. Yang keempat, Penilaian dan Maklum Balas Segera. Melalui aplikasi digital, pelajar boleh mendapatkan maklum balas segera mengenai prestasi mereka melalui kuiz dan latihan yang disediakan. Ini membantu mereka memahami topik dengan lebih baik dan mengenal pasti kawasan yang memerlukan penambahbaikan.

Secara keseluruhannya, penggunaan aplikasi digital dalam pengajian Sirah Nabi SAW membuka jendela baharu dalam proses pembelajaran interaktif di dalam kelas. Ia bukan sahaja menjadikan pembelajaran lebih menarik, bahkan lebih berkesan dalam menyampaikan ilmu yang mendalam mengenai kehidupan dan ajaran Nabi Muhammad SAW. Dengan penerapan teknologi ini, pendidikan Islam dapat terus relevan dan memberikan impak yang positif kepada generasi masa kini dan akan datang.

## **2. Metodologi kajian**

Metodologi kajian merupakan satu set kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ke atas subjek kajian tertentu (Hombly, 1985). Oleh itu, bahagian ini adalah reka bentuk kajian, instrumen kajian, prosedur atau proses menganalisis data bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dikemukakan. Menurut Ustaz Kenali, metodologi penyelidikan merupakan kaedah dan teknik mereka bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian. Metodologi menerangkan cara sesuatu masalah untuk membantu memahami dengan lebih luas lagi tentang pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian.

### **2.1 Reka Bentuk kajian**

Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif. Kajian kuantitatif dilakukan berdasarkan rujukan perkara-perkara yang berkaitan dengan penelitian dan analisis data. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan aplikasi digital dalam pengajian Sirah Nabi SAW.

### **2.2 Pemilihan sampel kajian**

Reka bentuk kajian pula ialah analisis kandungan. Analisis kandungan bertujuan menganalisis dokumen-dokumen dengan prosedur yang sistematik bagi menjelaskan kandungan sesebuah komunikasi. Fokus utamanya ialah mengukur kekerapan dan kepelbagaian mesej untuk mengesahkan hipotesis (Merriam, 2009). Dokumen-dokumen yang dianalisis melibatkan artikel, buku, laporan dan prosiding bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu mengkaji sejauhmanakah keberkesanan penggunaan aplikasi digital dalam pengajian sirah Nabi Muhammad SAW dapat memperkasakan pedagogi pembelajaran secara interaktif dalam kelas.

### 2.3 Instrumen kajian

Intrumen merupakan proses menyediakan alat mengumpul data menerusi konsep berkaitan dengan sikap, persepsi dan pandangan. Dalam kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji, instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data adalah dengan menggunakan borang soal selidik (Google Form). Kaedah kuantitatif yang digunakan ialah dengan menggunakan borang soal selidik (Google Form).

### 2.4 Soal Selidik

Borang soal selidik yang dibina oleh pengkaji adalah berbentuk ringkas dan padat. Pengkaji juga telah banyak membuat rujukan internet untuk membina borang soal selidik yang sesuai dan berkaitan dengan kajian yang telah dijalankan. Borang soal selidik yang dibina ini mempunyai dua bahagian iaitu bahagian A dan B.

### 2.5 Cara Mengumpulkan Data


#### 2.5.1 Soal Selidik

Borang soal selidik yang sesuai telah dibina pengkaji untuk mendapatkan dan mengumpul maklumat yang tepat berdasarkan objektif kajian. Borang yang lengkap diedarkan kepada responden secara dalam talian. Borang soal selidik terdiri daripada 2 bahagian iaitu bahagian A yang terdiri daripada demografi responden manakala bahagian B ialah analisis pandangan responden terhadap penggunaan aplikasi digital dalam pengajian Sirah Nabi SAW. Borang soal selidik ini diedarkan secara dalam talian dan menerima maklum balas daripada 30 orang responden. Soal selidik juga digunakan kerana data yang terkumpul akan lebih senang dianalisis oleh pengkaji. Selain itu, soal selidik yang dibina akan dapat menjawab objektif kajian dengan lebih tepat kerana pengkaji boleh merujuk jawapan yang diberikan responden.

### 2.6 Memproses dan Mempersiapkan Data

#### 2.6.1 Graf


Graf ialah kaedah untuk menganalisis maklumat yang telah diperolehi. Contohnya, data yang diperolehi dalam soal selidik melalui edaran secara dalam talian kepada responden yang dilakukan oleh pengkaji, graf digunakan untuk menganalisis data yang terdapat pada bahagian B. Rasionalnya, graf digunakan oleh pengkaji kerana ia lebih mudah untuk mendapatkan perbezaan peratus bagi setiap data.




### 2.6.2 Carta

Carta digunakan bagi mengetahui peratusan data yang telah diperolehi daripada hasil kajian. Dalam kajian ini, carta digunakan pada bahagian A dan B dapatan kajian. Carta digunakan agar analisis data mudah untuk dilakukan dan pengkaji mudah mendapatkan peratusan demografi dengan lebih tepat.


Jantina  
30 responses



Tahap pengetahuan anda dalam Sirah Nabi SAW.  
30 responses




Adakah anda setuju bahawa penggunaan aplikasi digital dapat membantu dalam mempelajari Sirah Nabi SAW?.  
30 responses




Apakah penggunaan aplikasi digital mampu mempengaruhi pemahaman terhadap Sirah Nabi SAW?.

30 responses




Apakah penggunaan aplikasi digital lebih memudahkan untuk kita mempelajari Sirah Nabi SAW?.

30 responses



Adakah anda bersetuju bahawa penggunaan aplikasi digital sangat relevan dalam membantu pelajar-pelajar/orang awam dalam memahami Sirah Nabi SAW?.

30 responses



## 2.7 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (P & P) Sirah Nabi SAW

Kaedah pengajaran dan pembelajaran Sirah Nabi SAW merupakan aspek penting dalam pendidikan Islam, bertujuan untuk membentuk akhlak dan peribadi yang mulia berdasarkan kehidupan dan teladan Nabi Muhammad SAW. Pengajaran dan pembelajaran Sirah Nabi SAW memerlukan pendekatan yang sistematik dan efektif untuk memastikan pelajar memahami serta menghayati

kehidupan dan teladan Nabi Muhammad SAW. Berikut adalah beberapa kaedah yang sering digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Sirah Nabi SAW:

**a) Kaedah Naratif (Storytelling)**

Kaedah ini melibatkan penceritaan kisah-kisah kehidupan Nabi Muhammad SAW dengan cara yang menarik dan dramatik. Guru menggunakan teknik naratif untuk menjadikan cerita lebih hidup dengan menekankan pada unsur-unsur dramatik dan emosi untuk menarik perhatian pelajar. Contohnya, menceritakan kisah hijrah Nabi dengan memperincikan cabaran dan pengorbanan yang dihadapi.

**b) Penggunaan Multimedia**

Penggunaan teknologi seperti video, animasi dan persembahan slaid (slide) boleh memperkaya pengalaman pembelajaran. Video dokumentari tentang kehidupan Nabi, peta interaktif yang menunjukkan perjalanan Hijrah dan animasi tentang peristiwa-peristiwa penting dalam sirah membantu pelajar memahami konteks sejarah dan geografi dengan lebih baik.

**c) Aktiviti Interaktif**

Kaedah ini melibatkan pelajar secara aktif melalui permainan pendidikan, kuiz dan aktiviti kumpulan. Contohnya, permainan peranan (role-playing) di mana pelajar memainkan watak-watak dalam sirah Nabi SAW atau aktiviti simulasi peristiwa seperti Perang Badar. Ini membantu pelajar menghayati dan memahami peranan dan situasi yang dihadapi oleh Nabi dan para sahabat.

**d) Kajian Teks dan Analisis**

Pelajar membaca dan menganalisis teks-teks utama seperti "Sirah Ibnu Hisyam" atau "Ar-Raheeq Al-Makhtum". Guru membimbing pelajar dalam memahami konteks dan makna teks-teks ini serta mengaitkannya dengan nilai-nilai dan pengajaran moral yang relevan. Aktiviti ini juga boleh melibatkan perbincangan tentang ayat-ayat Al-Quran dan hadis yang berkaitan dengan peristiwa dalam sirah.

**e) Perbincangan dan Refleksi**

Guru mengadakan sesi perbincangan di mana pelajar boleh berkongsi pandangan dan refleksi mereka tentang peristiwa-peristiwa dalam sirah Nabi. Sesi soal jawab juga membantu pelajar mengklarifikasi pemahaman mereka dan menghubungkan pengajaran sirah dengan kehidupan seharian mereka. Contohnya, perbincangan tentang bagaimana sifat sabar dan tabah Nabi boleh diaplikasikan dalam kehidupan pelajar.

**f) Pembelajaran Berasaskan Projek**

Pelajar diberikan projek yang berkaitan dengan sirah seperti membuat pameran, menulis laporan atau menghasilkan dokumentari pendek tentang kehidupan Nabi. Projek-projek ini menggalakkan pelajar melakukan penyelidikan mendalam dan bekerjasama dalam kumpulan sambil mengembangkan kemahiran kreatif dan analitikal mereka.

#### g) **Ceramah dan Kuliah**

Mengundang pakar sirah atau ustaz yang berpengalaman untuk memberikan ceramah atau kuliah tentang aspek-aspek tertentu dalam kehidupan Nabi. Ceramah ini boleh diikuti dengan sesi soal jawab untuk memperdalam pemahaman pelajar tentang topik yang dibincangkan. Ini juga memberikan pelajar peluang untuk mendengar perspektif yang berbeza dan mendapatkan penjelasan daripada pakar.

#### h) **Pembelajaran Kontekstual dan Nilai**

Guru menekankan pengajaran nilai-nilai yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW dalam setiap peristiwa sirah. Pelajar diajak untuk merenung dan menghayati nilai-nilai ini serta mengaplikasikannya dalam kehidupan mereka. Contohnya, mengaitkan peristiwa Perjanjian Hudaibiyah dengan nilai diplomasi dan kesabaran dalam menyelesaikan konflik.

#### i) **Penggunaan Sumber Asli**

Melibatkan pelajar dalam penggunaan sumber asli seperti manuskrip, artefak sejarah dan tempat-tempat bersejarah yang berkaitan dengan sirah Nabi. Jika memungkinkan, lawatan ke muzium Islam atau tempat-tempat bersejarah boleh diatur untuk memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih mendalam dan nyata.

Dengan menggunakan pelbagai kaedah ini, pengajaran dan pembelajaran Sirah Nabi SAW dapat dilakukan dengan lebih efektif dan menyeluruh, membantu pelajar bukan sahaja memahami sejarah tetapi juga menginternalisasi nilai-nilai moral dan spiritual yang terkandung di dalamnya.

### 2.8 **Prosedur-prosedur Utama pengajaran Sirah Nabi SAW**

Pengajaran sirah Nabi Muhammad SAW melibatkan beberapa prosedur utama untuk memastikan pemahaman yang komprehensif dan mendalam tentang kehidupan dan ajaran Baginda. Berikut adalah beberapa prosedur utama dalam pengajaran sirah Nabi SAW:

#### a) **Penetapan Objektif Pengajaran**

- **Tujuan dan Matlamat:** Menentukan objektif pengajaran seperti memperkenalkan sifat-sifat mulia Nabi Muhammad SAW, peristiwa penting dalam kehidupan baginda serta relevansi ajaran baginda dalam kehidupan seharian.
- **Kesesuaian dengan Kurikulum:** Memastikan kandungan sirah sesuai dengan kurikulum yang ditetapkan oleh institusi pendidikan atau badan agama.

#### b) **Pengumpulan dan Penyediaan Bahan Pengajaran**

- **Sumber-sumber Autentik:** Menggunakan sumber-sumber utama seperti Al-Quran, hadis sahih dan kitab-kitab sirah yang diakui seperti "Ar-Raheeq Al-Makhtum" oleh Safiur Rahman Mubarakpuri dan "Sirah Nabawiyah" oleh Ibnu Hisyam.
- **Pelbagai Media:** Menyediakan bahan-bahan pengajaran dalam pelbagai format seperti buku, video dan modul digital untuk memudahkan pemahaman dan menarik minat pelajar.

### c) Metodologi Pengajaran

- **Ceramah dan Kuliah:** Menggunakan ceramah untuk memberi gambaran umum tentang kehidupan Nabi Muhammad SAW dan peristiwa-peristiwa penting.
- **Diskusi dan Perbincangan:** Mengadakan sesi diskusi untuk membincangkan pengajaran yang boleh diambil dari peristiwa sirah dan bagaimana ia boleh diaplikasikan dalam kehidupan moden.
- **Kajian Kes (Case Study):** Menganalisis peristiwa-peristiwa tertentu dalam kehidupan Nabi Muhammad SAW secara terperinci untuk mengkaji keputusan-keputusan dan tindakan Baginda dalam konteks tertentu.
- **Role-play dan Dramatization:** Menggunakan teknik role-play untuk membantu pelajar memahami situasi sejarah dan peranan individu-individu penting dalam sirah Nabi SAW.

### d) Penilaian dan Refleksi

- **Kuiz dan Ujian:** Mengadakan kuiz dan ujian untuk menilai pemahaman pelajar tentang fakta-fakta penting dan pengajaran dari sirah.
- **Penilaian Reflektif:** Menggalakkan pelajar menulis refleksi peribadi tentang apa yang mereka pelajari dan bagaimana ia memberi kesan kepada kehidupan mereka.
- **Projek dan Pembentangan:** Menyuruh pelajar melakukan projek dan pembentangan tentang aspek-aspek tertentu dalam sirah Nabi SAW untuk menggalakkan pembelajaran mendalam dan pengetahuan yang lebih luas.

### e) Pengintegrasian dengan Kehidupan Harian

- **Relevansi Praktikal:** Menunjukkan bagaimana pengajaran dari sirah Nabi Muhammad SAW boleh diaplikasikan dalam kehidupan harian pelajar seperti dalam aspek moral, etika dan hubungan sosial.
- **Model Role-Playing:** Menggalakkan pelajar mencontohi sifat-sifat mulia Nabi Muhammad SAW dalam kehidupan seharian mereka.

Dengan mengikuti prosedur-prosedur ini, pengajaran sirah Nabi Muhammad SAW dapat dijalankan secara efektif dan memberi impak yang besar kepada pemahaman dan amalan pelajar.



### 3. Dapatan kajian dan Perbincangan

Bahagian ini menerangkan hasil analisis data berdasarkan tindak balas responden terhadap borang soal selidik yang diedarkan kepada mereka secara dalam talian.


#### 3.1 Demografi kajian

Seramai 30 orang responden telah disoal selidik secara dalam talian. Huraian analisis latar belakang responden melibatkan aspek umur dan jantina.

Jadual 1: Taburan responden mengikut umur.

UMUR	BILANGAN	PERATUS
1. 22 Tahun	12 orang	39.9%
2. 23 Tahun	3 orang	10%
3. 24 Tahun	2 orang	6.7%
4. 27 Tahun	1 orang	3.3%
5. 31 Tahun	1 orang	3.3%
6. 32 Tahun	1 orang	3.3%
7. 34 Tahun	1 orang	3.3%
8. 36 Tahun	1 orang	3.3%
9. 40 Tahun	1 orang	3.3%
10. 41 Tahun	1 orang	3.3%
11. 43 Tahun	1 orang	3.3%
12. 49 Tahun	2 orang	6.7%
13. 55 Tahun	1 orang	3.3%
14. 60 Tahun	1 orang	3.3%
15. 61 Tahun	1 orang	3.3%

Rajah 1: Taburan responden mengikut umur.



Jadual 1 dan rajah 1 menunjukkan taburan responden mengikut umur. Berdasarkan jadual 1 dan rajah 1, dapatan hasil kajian menunjukkan sebanyak 12 orang responden berumur 22 tahun atau 39.9%.

Terdapat 3 orang daripada 30 responden berumur 23 tahun atau 10%. 2 orang daripada 30 responden berumur 24 tahun atau 6.7%. Terdapat 11 orang responden yang berumur 27-43 tahun dan 55-61 tahun. Bagi umur 49 tahun, terdapat 2 orang daripada 30 responden bersamaan 6.7%.


Jadual 2: Taburan responden mengikut jantina.

Jantina		
1. Lelaki	11 orang	36.7%
2. Perempuan	19 orang	63.3%

Rajah 2: Taburan responden mengikut jantina.

Jantina

30 responses



Jadual 2 dan rajah 2 menunjukkan demografi responden mengikut jantina. Daripada jumlah 30 orang responden yang telah disoal selidik, seramai 11 orang responden atau 36.7% adalah lelaki. Terdapat sebanyak 19 orang responden atau 63.3% daripada jumlah 30 orang responden adalah perempuan.


### 3.1.1 Analisis mengenai penggunaan Aplikasi Digital dalam pengajian Sirah Nabi SAW

Jadual 3: “Tahap pengetahuan anda dalam Sirah Nabi SAW”.

Tahap pengetahuan anda dalam Sirah Nabi SAW		
1. Lemah	1 orang	3.3%
2. Sederhana	23 orang	76.7%
3. Tinggi	6 orang	20%

Rajah 3: “Tahap pengetahuan anda dalam Sirah Nabi SAW”.

Tahap pengetahuan anda dalam Sirah Nabi SAW.  
30 responses



Jadual 3 dan rajah 3 menunjukkan demografi responden terhadap penguasaan mereka dalam Sirah Nabi SAW. Daripada 30 orang responden, terdapat 1 orang atau 3.3% pada tahap lemah. Terdapat 23 orang responden atau 76.7% pada tahap sederhana. Terdapat 6 orang responden atau 20% daripada jumlah 30 orang responden pada tahap tinggi.


Jadual 4: Soalan “Adakah anda setuju bahawa penggunaan aplikasi digital dapat membantu dalam mempelajari Sirah Nabi SAW?”.

Adakah anda setuju bahawa penggunaan aplikasi digital dapat membantu dalam mempelajari Sirah Nabi SAW?		
1. Setuju	11 orang	36.7%
2. Sangat setuju	19 orang	63.3%

Rajah 4: Soalan “Adakah anda setuju bahawa penggunaan aplikasi digital dapat membantu dalam mempelajari Sirah Nabi SAW?”.

Adakah anda setuju bahawa penggunaan aplikasi digital dapat membantu dalam mempelajari Sirah Nabi SAW?.

30 responses



Jadual 4 dan rajah 4 menunjukkan demografi responden terhadap penggunaan aplikasi digital untuk membantu dalam mempelajari Sirah Nabi SAW. Terdapat 11 orang responden atau 36.7% pada tahap setuju. Daripada 30 orang responden, terdapat 19 orang responden atau 63.3% pada tahap sangat setuju.


Jadual 5: Soalan “Apakah penggunaan aplikasi digital mampu mempengaruhi pemahaman terhadap Sirah Nabi SAW?”.

Apakah penggunaan aplikasi digital mampu mempengaruhi pemahaman terhadap Sirah Nabi SAW?		
1. Tidak setuju	1 orang	3.3%
2. Setuju	15 orang	50%
3. Sangat setuju	14 orang	46.7%

Rajah 5: Soalan “Apakah penggunaan aplikasi digital mampu mempengaruhi pemahaman terhadap Sirah Nabi SAW?”.

Apakah penggunaan aplikasi digital mampu mempengaruhi pemahaman terhadap Sirah Nabi SAW?.

30 responses



Jadual 5 dan rajah 5 menunjukkan demografi responden terhadap penggunaan aplikasi digital mampu mempengaruhi pemahaman terhadap sirah Nabi SAW. Daripada 30 orang responden, seramai 1 orang responden bersamaan 3.3% tidak setuju. Terdapat 15 orang responden atau 50% pada tahap setuju. Daripada 30 orang responden, terdapat 14 orang responden atau 46.7% pada tahap sangat setuju.


Jadual 6: Soalan “Apakah penggunaan aplikasi digital lebih memudahkan untuk kita mempelajari Sirah Nabi SAW?”.

Apakah penggunaan aplikasi digital lebih memudahkan untuk kita mempelajari Sirah Nabi SAW?		
1. Setuju	16 orang	53.3%
2. Sangat setuju	14 orang	46.7%

Rajah 6: Soalan “Apakah penggunaan aplikasi digital lebih memudahkan untuk kita mempelajari Sirah Nabi SAW?”.

Apakah penggunaan aplikasi digital lebih memudahkan untuk kita mempelajari Sirah Nabi SAW?.

30 responses



Jadual 6 dan rajah 6 menunjukkan demografi responden terhadap kemudahan aplikasi digital untuk mempelajari sirah Nabi SAW. Terdapat 16 orang responden atau 53.3% pada tahap setuju. Daripada 30 orang responden, seramai 14 orang atau 46.7% pada tahap sangat setuju.


Jadual 7: Soalan “Adakah anda bersetuju bahawa penggunaan aplikasi digital sangat relevan dalam membantu pelajar-pelajar/orang awam dalam memahami Sirah Nabi SAW?”.

Adakah anda bersetuju bahawa penggunaan aplikasi digital sangat relevan dalam membantu pelajar-pelajar/orang awam dalam memahami Sirah Nabi SAW?		
1. Tidak setuju	1 orang	3.3%
2. Setuju	13 orang	43.3%
3. Sangat setuju	16 orang	53.3%

Rajah 7: Soalan “Adakah anda bersetuju bahawa penggunaan aplikasi digital sangat relevan dalam membantu pelajar-pelajar/orang awam dalam memahami Sirah Nabi SAW?”.

Adakah anda bersetuju bahawa penggunaan aplikasi digital sangat relevan dalam membantu pelajar-pelajar/orang awam dalam memahami Sirah Nabi SAW?.

30 responses



Jadual 7 dan rajah 7 menunjukkan demografi responden berkenaan kerelevanan aplikasi digital dalam membantu pelajar-pelajar atau orang awam untuk memahami Sirah Nabi SAW. Daripada 30 orang responden, terdapat 1 orang responden bersamaan dengan 3.3% pada tahap tidak setuju. Terdapat 13 orang responden atau 43.3% pada tahap setuju. Daripada 30 orang responden, terdapat seramai 16 orang responden atau 53.3% pada tahap sangat setuju.

### 3.2.1 Definisi Pembelajaran Interaktif

Interactive Learning is an approach to building multiple interactions between tutors and learners (Khan et al., 2020; Onyema et al., 2019). Strategi pedagogi yang dikenali sebagai "pembelajaran interaktif" secara aktif melibatkan pelajar dalam proses pendidikan dengan menarik mereka untuk mengambil bahagian, bekerjasama dan menggunakan kebolehan berfikir kritis (H. Lukita, Y. Sujana & C. Budiyanto, 2017). Kaedah ini menggalakkan pertukaran idea dan pengalaman yang dinamik dan bukannya pemindahan pengetahuan sehalu konvensional daripada guru kepada pelajar. Pada asasnya, pembelajaran interaktif memusatkan proses pengajaran di sekeliling pelajar. Ia mengiktiraf kepelbagaian pilihan dan gaya pembelajaran pelajar dan memberi mereka alat yang mereka perlukan untuk mengawal pendidikan mereka. Pelajar secara aktif mencipta pengetahuan mereka dan memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang subjek melalui perbualan, aktiviti kumpulan, latihan penyelesaian masalah dan pengalaman praktikal (M. Solaiman Jony, 2016), (A. Gogus, 2012).

### 3.2.2 Persekitaran dan Platform Pembelajaran Digital

Istilah "persekitaran pembelajaran digital" menggambarkan penggunaan sumber dalam talian dan teknologi digital dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P & P). Ini termasuk rangkaian perisian, aplikasi, platform dan sumber dalam talian yang memudahkan komunikasi, kerja berpasukan dan persekitaran pendidikan yang lebih pelbagai dan merangsang (M. F. Ak et al., 2021). Persekitaran Pembelajaran Digital mempunyai komponen penting berikut.

Kebolehcapaian: Selagi terdapat sambungan internet, persekitaran pembelajaran digital membolehkan akses kepada pengetahuan dan bahan pendidikan pada bila-bila masa dan dari mana-mana lokasi. Tambahan pula, teknologi digital merangkumi pelbagai peranti dan aplikasi yang direka untuk membantu pelajar dengan keperluan kebolehcapaian tertentu. Menggunakan teknologi adalah teknik yang paling cekap untuk mengurangkan jumlah kerja yang memakan masa dan berulang yang mesti disiapkan oleh guru (Malcolm, 2015), (A. Haleem, M. Javaid, M. A. Qadri & R. Suman, 2022).

**Fleksibiliti:** Perkembangan teknologi telah meningkatkan ketersediaan dan kebolehsesuaian pendidikan. Pembelajaran tersuai berdasarkan jadual dan kehidupan pelajar dimungkinkan oleh keupayaan mereka untuk memilih masa dan tempat kelas mereka. Selain memberi pelajar akses kepada pengetahuan, pembelajaran digital mempunyai kuasa untuk memberi inspirasi dan memperkasakan mereka (A. Saykili, 2019), (K. Zabiyeveva, S. Seitova, Y. S. Andasbayev, R. Tasbolatova & S. N. Ibraeva, 2021), (A. C. Bergene, S. Wollscheid & C. Gjerustad, 2023).

**Interaktiviti:** Melalui multimedia, simulasi dan aspek interaktif lain, teknologi digital membolehkan interaksi yang lebih dinamik antara pelajar dan kandungan kursus. Selain menggalakkan pembelajaran individu, bahan pembelajaran interaktif boleh membawa kepada pembelajaran berpusatkan pelajar. Pembelajaran interaktif juga boleh dilakukan dengan menggunakan bahan pembelajaran di mana pelajar mempunyai kawalan seperti permainan dan pembelajaran interaktif (E. Lacka & T. C. Wong, 2021), (Y. Huda, E. Tasrif, R. E. Sari, R. Rahmi & K. Costa, 2023), (H. Elmi, G. Ganefri & D. Irfan, 2021).

**Kerjasama:** Ramai pendidik sedang berusaha untuk membangunkan persekitaran interaktif yang menggunakan teknologi untuk meningkatkan dan menyokong proses pembelajaran kolaboratif. Melalui sistem yang menyokong perdebatan, projek kumpulan dan pertukaran idea pelajar boleh melibatkan diri secara maya. Komunikasi terbuka idea dan rundingan makna adalah perlu untuk pembelajaran kolaboratif. Pembelajaran kolaboratif meningkatkan pengetahuan, kecekapan, keseronokan dan kemahiran menyelesaikan masalah pelajar dalam tetapan pembelajaran digital (S. Wheeler, P. Yeomans & D. Wheeler, 2008), (M. Männistö, K. Mikkonen, H. Kuivila, M. Virtanen, H. Kyngäs & M. Kääriäinen, 2020), (J. L. Ramos, A. A. P. Cattaneo, F. P. C. M. de Jong & R. G. Espadeiro, 2022).

**Sumber Kaya:** Pelbagai bahan pendidikan termasuk filem, buku, artikel dan aplikasi interaktif tersedia dalam tetapan ini. Pusat Maklumat Sumber Pendidikan (ERIC), Penyelidikan Pendidikan Lengkap (EBSCO), Institut Maklumat Psikologi Leibniz (PSYNDEX), PsycINFO/EBSCO dan pangkalan data dan majalah berkala lain dalam bidang penyelidikan pendidikan tersedia. Oleh itu, pelajar menggunakan lebih banyak peranti elektronik secara keseluruhan dalam persekitaran pembelajaran dan mengakses lebih banyak bahan dalam talian (D. Harley et al., 2023), (E. Muca, D. Cavallini, R. Odore, M. Baratta, D. Bergero & E. Valle, 2022).

**Pemantauan Kemajuan:** Dengan penggunaan analisis dan ujian dalam talian, pendidik dan pelajar boleh memantau kemajuan pembelajaran pelajar dengan mudah. Pelajar kemudian boleh menggunakan carta bakar (burn chart) untuk menjejek kemajuan mereka ke arah matlamat ini. Carta memaparkan tunggakan kerja yang belum selesai minggu demi minggu, menunjukkan penurunan apabila tugas selesai (R. Bodily & K. Verbert, 2017), (J. McKimm, 2003), (C. J. Woodward, A. Cain, S. Pace, A. Jones & J. F. Kupper, 2013).

**Infrastruktur teknologi khusus** yang dicipta untuk memudahkan pembelajaran dalam talian atau rangkaian dirujuk sebagai platform pembelajaran digital (A. Widiyatmoko, 2021). Platform pembelajaran digital telah mengubah sepenuhnya cara kita mengambil bahagian dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P & P). Platform ini terdiri daripada Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) yang mengatur bahan kursus kepada webinar interaktif yang membolehkan perbincangan masa nyata. Baik dari segi kandungan dan sistem, LMS telah memberi kesan kepada pendidikan tradisional ke dalam bentuk digital. Konsep Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) telah mendapat penerimaan global seperti yang ditunjukkan oleh penggunaan meluas LMS di institusi akademik (Y.

Huda, M. Anwar, D. Novaliendry, T. Sriwahyuni & M. Adri, 2021), (D. Novaliendry, A. Huda, M. R. Cuhanazriansyah, H. K. Sani, H. Hendra & J. Karnando, 2021).

Fungsi utama platform pembelajaran digital adalah untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang disesuaikan dan boleh disesuaikan (A. C. Lagman & D. M. Mansul, 2017). Melalui penggunaan kapasiti teknologi untuk mengumpul dan menilai maklumat, platform ini mampu menawarkan pengalaman pendidikan yang disesuaikan berdasarkan keperluan dan kelajuan setiap pelajar. Ini menggalakkan pengetahuan yang lebih mendalam dan lebih konsisten dengan membiarkan pelajar belajar mengikut kadar mereka sendiri (S. Bennani, A. Maalel & H. Ben Ghezala, 2022), (A. Haleem, M. Javaid, M. A. Qadri & R. Suman, 2022), (Dr. D. Kem, 2022). Selain itu, platform pembelajaran digital menggalakkan kerjasama yang lebih erat antara guru dan pelajar (F. Hénard & D. Roseveare, 2012). Murid boleh berinteraksi antara satu sama lain dengan bertukar-tukar idea, berbincang tentang pelajaran dan memberi maklum balas. Kaedah ini memupuk persekitaran kelas yang lebih mesra di mana setiap pendapat pelajar dihormati dan didengari (M. Keppell, E. Au, A. Ma & C. Chan, 2006). Berikut adalah beberapa aplikasi pembelajaran digital.

Contoh sistem pengurusan pembelajaran (LMS) ialah Google Classroom, Moodle dan Canvas. Institusi pendidikan menggunakan platform ini untuk mengawasi kelas, kerja rumah dan hubungan antara pelajar dengan guru (Y. Huda, E. Tasrif, F. M. Saragih, W. Mustakim & N. Vebriani, 2023).

Aplikasi untuk Pembelajaran Bahasa: Beberapa contoh aplikasi yang menyokong pembelajaran bahasa melalui pendekatan interaktif dan pelbagai ialah Duolingo, Babbel dan Rosetta Stone (C. R. Heil, J. S. Wu, J. J. Lee & T. Schmidt, 2016).

Platform untuk Kursus Dalam Talian Terbuka Besar-besaran (MOOC): Coursera, edX dan Khan Academy ialah beberapa contoh MOOC yang menyediakan kursus dalam talian daripada pelbagai universiti dan mata pelajaran (T. Oktavia, H. Prabowo, Meyliana & S. H. Supangkat, 2018).

Aplikasi untuk simulasi pendidikan: Simulasi Interaktif PhET. Contohnya, menawarkan simulasi interaktif untuk membantu pengguna memahami idea matematik dan saintifik (H. J. Banda & J. Nzabahimana, 2021).

E-books dan Sumber Pembelajaran Digital: Buku digital dan sumber pembelajaran boleh diakses melalui Projek Gutenberg, Apple Books dan Amazon Kindle (S. Y. Sari, F. R. Rahim, P. D. Sundari & F. Aulia, 2022).

Pembelajaran Mudah Alih: Pembangunan pembelajaran mudah alih berasaskan Android menjanjikan untuk menghasilkan bahan pendidikan serba lengkap yang sangat bermanfaat kepada pelajar. Pemahaman pelajar terhadap bahan akan dibantu oleh media pengiring yang dicipta dalam bentuk bacaan teks, audio/visual dan animasi (H. Elmi, D. Irfan, W. Simatupang & M. Muskhir, 2023).

### **3.2.3 Usaha untuk Mengatasi Cabaran dalam Aplikasi Pembelajaran Interaktif**

Menggabungkan pembelajaran interaktif ke dalam kerangka pendidikan kontemporari membentangkan beberapa halangan yang mesti ditangani bagi menjamin pelajar pengalaman pembelajaran yang positif dan produktif. Berikut ialah beberapa tindakan terkira yang boleh dilakukan untuk menangani isu ini.

Latihan Guru Komprehensif: Menyediakan pendidik dengan latihan menyeluruh adalah langkah pertama yang penting. Mereka mesti mendapat pemahaman yang menyeluruh tentang cara



menggunakan alat dan teknologi interaktif di dalam kelas. Pemahaman teknikal, teknik pengajaran yang berkaitan dan aplikasi dunia sebenar dalam persekitaran pembelajaran dalam talian semuanya boleh diliputi dalam sesi ini (I. Jung, 2001), (I. Jung, 2005), (D. Juan Guillermo Mansilla Sepúlveda et al., 2021).

**Penciptaan Konten Berkualiti Tinggi:** Konten yang relevan, menarik dan sejajar matlamat adalah penting untuk pembelajaran interaktif. Ia memerlukan banyak masa dan usaha untuk mencipta bahan pembelajaran yang menarik dan komprehensif. Oleh itu, untuk menggalakkan pemahaman yang mendalam dan penglibatan pelajar, institusi pendidikan mesti membuat pelaburan dalam mencipta konten berkualiti tinggi (M. Kebritchi, A. Lipschuetz & L. Santiago, 2017), (S. Hennessy, B. Haßler & R. Hofmann, 2015), (N. M. Efendi, 2019).

**Akses Saksama kepada Teknologi:** Langkah perlu diambil untuk menjamin bahawa setiap pelajar mempunyai akses saksama kepada gajet yang mereka perlukan dan internet. Sekolah harus mengenali pelajar yang mungkin mempunyai masalah akses dan menawarkan bantuan yang sesuai seperti penyediaan peranti atau Wi-Fi hotspots (C. Greenhow, C. R. Graham & M. J. Koehler, 2022), (R. M. Rose, A. Smith, K. Johnson & D. Glick, 2015), (J. Littenberg-Tobias & J. Reich, 2020).

**Pemantauan dan Sokongan Berterusan:** Sepanjang proses pembelajaran, institusi pendidikan mesti menyediakan guru dan pelajar sokongan teknikal dan pedagogi yang berterusan. Ini memerlukan penawaran sumber tambahan untuk meningkatkan pembelajaran, membantu masalah teknologi dan menawarkan arah apabila menggunakan alat interaktif (R. Sipayung, D. O. Sihotang & J. S. Lumban Batu, 2021), (Y. Kasmawati, 2020), (L. Meria & S. Saukani, 2023).

**Kerjasama dan Pertukaran Pengalaman:** Guru bekerjasama di dalam dan di luar sekolah dapat mengatasi halangan. Meningkatkan pembelajaran yang lebih interaktif mungkin mendapat manfaat daripada pertukaran pengalaman tentang kaedah pengajaran yang berkesan dan mengatasi cabaran tertentu (I. García-Martínez, P. Tadeu, M. Montenegro-Rueda & J. M. Fernández-Batanero, 2022), (C. Kaendler, M. Wiedmann, N. Rummel & H. Spada, 2015), (H. M. Saerang, J. M. Lembong, S. Deity, M. Sumual, R. Marie & S. Tuerah, 2023).

**Strategi Adaptif dan Fleksibel:** Untuk menghadapi halangan baharu dan menampung gaya pembelajaran pelajar yang berbeza, strategi pembelajaran interaktif mestilah fleksibel. Institusi akademik mesti bersedia untuk mengubah suai pendekatan dan rancangan mereka sebagai tindak balas kepada input pelajar dan perkembangan teknologi (Y. B.-D. Kolikant, 2010), (L. Chen, P. Chen & Z. Lin, 2020), (M. Alenezi, 2023).

Melalui langkah-langkah ini, pertubuhan pendidikan boleh mengatasi halangan yang dikaitkan dengan pelaksanaan pembelajaran interaktif, menjamin bahawa perjalanan pendidikan pelajar terus membuahkan hasil, menawan dan signifikan.

### **3.3 Teknik yang Berkesan untuk mengajar Sirah Rasul SAW**

Topik yang dibincangkan sifatnya dan panjang atau singkatnya menentukan kaedah pengajaran yang digunakan untuk tema Sirah Rasul (Huda 'Ali & Sa'dun Mahmud, 2005: 165-170). Oleh itu, seorang guru mungkin menggunakan semua atau hanya satu daripada tiga strategi berikut semasa mengajar Sirah Rasul selepas memberi pengenalan ringkas.

### 3.3.1 Teknik pertama: Mengajukan Soalan beserta Ulasan

Kaedah ini berfungsi dengan baik untuk menarik perhatian pelajar kepada perkara yang diajar apabila guru bertanyakan soalan tentang topik yang terkandung dalam pelajaran Sirah Rasul. Terdapat beberapa aspek strategi ini yang perlu diketahui iaitu:

- a) Untuk mengukur kefahaman dan kecerdasan murid. Soalan yang dikemukakan kepada mereka mestilah bermula dengan pertanyaan yang agak asas dan berkembang kepada soalan yang agak kompleks.
- b) Jika terdapat sebarang jawapan pelajar yang kurang tepat, sebaiknya sertakan penerangan ringkas. Pengajar juga boleh membuat teguran yang menguatkan huraian dengan mengambil daripada kisah-kisah yang terdapat dalam Sirah Rasul.
- c) Sebaik-baiknya, teguran yang dibuat hendaklah digariskan dalam bentuk gambar rajah atau senarai tajuk utama yang disertakan nama, cerita tertentu atau peristiwa. Berikutan kesimpulan pelajaran, fakta-fakta diletakkan dengan sempurna dalam kronologi sejarah pada rajah atau senarai tajuk yang lengkap (Huda 'Ali & Sa'dun Mahmud, 2005: 165-170).

### 3.3.2 Teknik kedua: Pembahagian Subjek kepada Tajuk-tajuk Kecil

Kaedah ini membahagikan Sirah Rasul kepada tajuk yang lebih terurus dan mendalam. Terdapat beberapa aspek strategi ini yang perlu diketahui iaitu:

- a) Kandungan Sirah Rasul dipecahkan kepada bahagian yang boleh diurus atau tajuk yang dijelaskan oleh guru. Ia juga penting untuk memberi perhatian kepada cara kanak-kanak bertindak balas terhadap soalan yang dikemukakan.
- b) Pastikan bahawa tajuk setiap unit dicetak dengan jelas pada papan putih atau hitam dan kemudian senaraikan setiap satu dalam susunan unit tajuk. Jangan lupa ambil tahu tarikh-tarikh penting yang dikaitkan dengan setiap acara Sirah Rasul.
- c) Selepas melengkapkan penerangan tentang unit tajuk Sirah Rasul, buat satu kesimpulan (Huda 'Ali & Sa'dun Mahmud, 2005: 165-170).

### 3.3.3 Teknik ketiga: Penghuraian dalam Bentuk Cerita

Kaedah ini menerangkan Sirah Rasul melalui naratif dengan tujuan untuk mendidik pendengar dan mengambil pengajaran daripadanya. Terdapat beberapa aspek strategi ini yang perlu diketahui iaitu:

- a) Mengambil kira kronologi Sirah Rasul, tarikh dan tahun acara boleh ditentukan dengan justifikasi yang jelas.
- b) Mempersembahkan bahan dengan gaya yang menarik minat pelajar agar mendapat respon yang positif dan memaksimumkan keberkesanan dalam kelas.
- c) Menghuraikan sebab dan keadaan di sebalik peristiwa dalam Sirah Rasul dengan menghubungkannya atau menggunakan pengajaran yang diperolehi daripada masalah kontemporari.
- d) Menggunakan taktik kejutan untuk menarik minat kanak-kanak untuk mempelajari lebih lanjut tentang naratif.

- e) Menggunakan Media Pengajaran, kadangkala disebut sebagai Alat Bantu Mengajar (ABM) untuk memberikan penjelasan yang menarik tentang peristiwa dalam Sirah Rasul. Jika tidak, papan hitam atau putih adalah alat pengajaran yang berguna untuk membantu murid memahami sesuatu mata pelajaran, khususnya Sirah Rasul (Huda 'Ali & Sa'dun Mahmud, 2005: 165-170).

Kaedah-kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran Sirah Rasul adalah penting dan dapat menjamin pelajar yang mematuhi kurikulum mendapati mata pelajaran Sirah Rasul bermanfaat.

### **3.4 Rasulullah SAW dan Aplikasi Teknologi di Zaman Baginda**

Selain itu, Nabi menggunakan pelbagai kaedah semasa untuk membantu para sahabat menerima maklumat antara satu sama lain. Baginda bertitah kepada rakyatnya mengikut tahap intelek mereka. Selain itu, Baginda terlibat dengan mereka dalam situasi dan cara yang sesuai dengan konteks. Berkenaan dengan ini, Baginda pernah menyatakan apa yang ingin disampaikan dengan melukis garisan di atas tanah dan menggunakan gerakan tertentu. Berikut adalah beberapa contoh daripada Sunnah Baginda yang boleh didapati.

#### **3.4.1 Lakaran atau Lukisan di atas Tanah**

Baginda pernah membuat lakaran gambar rajah di atas tanah bagi memberikan gambaran yang bersesuaian dengan apa yang ingin disampaikan.

#### **3.4.2 Menggunakan Isyarat Jari, Tangan dan Tongkat**

Dalam penyampaian pengajaran Baginda, turut digunakan isyarat-isyarat yang memberi maksud tertentu. Isyarat yang dibuat membawa maksud yang difahami. Baginda menggunakan isyarat jari, tangan dan tongkat sebagai jawapan kepada soalan tertentu.

#### **3.4.3 Membandingkan Objek di sekeliling Baginda**

Baginda pernah membandingkan orang Islam dengan sebatang pokok yang tidak berguguran daunnya iaitu Pohon Tamar.

### **3.5 Aplikasi Digital yang digunakan dalam Mengenal Rasulullah SAW**

#### **i) Gamifikasi**

Digunakan untuk tujuan pendidikan dan ditunjukkan untuk memberi manfaat kepada Masyarakat (Cankaya, 2009).

#### **ii) Mel Elektronik**

E-mail atau mel elektronik merupakan perkhidmatan pembelajaran dan berkomunikasi melalui Internet.

#### **iii) Laman Web**

Rangkaian global WWW ialah komponen Internet dan koleksi dokumen yang luas dirujuk sebagai "Web" (TMB, 1998; Crumlish, 1996).

### 3.6 Aplikasi Internet sebagai Medium Mengenal Rasulullah SAW

Aplikasi Internet berfungsi sebagai sumber hiburan, orang tengah untuk pengedaran maklumat dan sumber untuk pelbagai aktiviti selain dilihat sebagai bidang komunikasi dan penghantaran maklumat yang berbeza (Faradillah et al., 2015).

Media sosial juga dianggap sebagai platform untuk pengetahuan dalam talian dan perkongsian maklumat di kalangan kumpulan berbeza yang memupuk kebolehan komunikasi (Baruah, 2012).

## 4. Kesimpulan

Penggunaan aplikasi digital dalam pengajian Sirah Nabi SAW merupakan satu inovasi yang membawa perubahan positif dalam bidang pendidikan Islam. Dengan memperkenalkan elemen interaktif dan teknologi moden dalam kelas, pembelajaran tentang kehidupan dan ajaran Nabi Muhammad SAW menjadi lebih menarik dan berkesan. Beberapa kelebihan utama yang dibawa oleh aplikasi digital ini termasuk peningkatan interaktiviti dan penglibatan pelajar, akses kepada sumber pembelajaran yang luas, kemudahan pembelajaran sendiri dan kolaboratif serta penilaian dan maklum balas segera.

Secara keseluruhannya, aplikasi digital membolehkan pelajar mendalami Sirah Nabi SAW dengan cara yang lebih dinamik dan seronok. Ia juga membantu dalam memperkayakan pengalaman pembelajaran serta memastikan pelajar dapat memahami dan menghayati nilai-nilai yang diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW dengan lebih baik. Oleh itu, integrasi teknologi dalam pengajian Sirah Nabi SAW bukan sahaja mengadaptasi pembelajaran kepada kehendak zaman moden malah juga memperkukuh lagi penghayatan terhadap sejarah dan ajaran Islam. Ini menjadikan aplikasi digital sebagai alat penting dalam usaha mendidik generasi muda yang celik teknologi dan berpengetahuan luas dalam ilmu agama.

## 5. Rujukan

Ciptro Handrianto, Muhammad Arinal Rahman, Piki Setri Pernantah, Ahmad Jazimin Jusoh, Ary Kiswanto Kenedi, Shahid Rasool & Syuraini, (2022), *The Use of Interactive Learning to Develop Learning Materials in Islamic Education on the Package C Program*.

[Online]:

[https://www.researchgate.net/publication/370755557\\_The\\_Use\\_of\\_Interactive\\_Learning\\_to\\_Develop\\_Learning\\_Materials\\_in\\_Islamic\\_Education\\_on\\_the\\_Package\\_C\\_Program](https://www.researchgate.net/publication/370755557_The_Use_of_Interactive_Learning_to_Develop_Learning_Materials_in_Islamic_Education_on_the_Package_C_Program)

(akses pada 14 Mei, 2023)

Hafiz Elmi, Ambiyar, Yasdinul Huda & Dony Novaliendry. (2024). *The Role of Information and Communication Technology in Interactive Learning*. *Journal Science Management Informatics and Computer*. 23(1), 193-203.

Nik Amlu Nik Jusoh, (2013), *Apakah Maksud Metodologi*.

[Online]:

<https://ustazkenali.wordpress.com/2013/06/30/apakah-maksud-metodologi/> (akses pada 30 Jun, 2013)

Syed Najihuddin Syed Hassan, Mohd Yusuf Ismail & Nidzamuddin Zakaria, (2010), *Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan Aplikasi Teknologi dalam Pengajaran Al-Quran dan Al-Sunnah*.

[Online]:

[https://www.researchgate.net/publication/378998163\\_The\\_Role\\_of\\_Information\\_and\\_Communication\\_Technology\\_in\\_Interactive\\_Learning](https://www.researchgate.net/publication/378998163_The_Role_of_Information_and_Communication_Technology_in_Interactive_Learning) (akses pada 27 Julai, 2018)

Sulhie Sufia Mahathir & Dr. Farid Mat Zain, (2021), *Penggunaan Aplikasi dalam Mengenal Rasulullah*.

[Online]:

<https://www.slideshare.net/KOSPATIUKM/penggunaan-aplikasi-dalam-mengenal-rasulullah> (akses pada 28 Jun, 2021)